

**KONSEP DAN BENTUK *AL-QARĀ'IN* DALAM PENENTUAN PALSU  
SESEBUAH HADITH: KAJIAN TERHADAP KARYA *AL-MŪQIZAH*  
KARANGAN AL-DHAHABĪ**

*The Concept And Forms Of Al-Qarā'in In Determining The Fabrication Of A Hadith:  
An Analysis Of al-Mūqizah By Al-Dhahabī*

<sup>1</sup>Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi

<sup>1</sup> Calon PhD, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, [dzuldzuraidi@gmail.com](mailto:dzuldzuraidi@gmail.com)

\*(Corresponding author) e-mail: [dzuldzuraidi@gmail.com](mailto:dzuldzuraidi@gmail.com)

---

**ABSTRAK**

Hadith palsu atau *maudū'* adalah hadith yang tidak sabit (wujud) daripada Nabi Muhammad SAW sama ada secara tersilap, jahil, atau terancang. Hadith palsu dikategorikan kepada dua iaitu hadith yang disepakati palsu dan diperselisih palsu. Kajian-kajian lepas konsisten membahaskan realiti dan cara berinteraksi dengan hadith yang diperselisihkan kepalsuannya. Namun begitu, kajian ini membawa perspektif berbeza dengan meneliti punca perselisihan tersebut dari sudut tema *al-qarā'in*. Kajian ini penting kerana ia memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan *al-qarā'in* dalam menilai status hadith dan membantu memberikan kefahaman kepada masyarakat mengenai realiti lapangan hadith. Kajian menjalankan analisis terhadap karya *al-Mūqizah* karangan al-Dhahabī berikutan kepakaran beliau dalam kajian teknikal hadith dan perawi. Metodologi yang digunakan adalah pendekatan kualitatif berdasarkan analisis dokumentasi sebagai pengumpulan data dan analisis kandungan sebagai metode analisis data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa al-Dhahabī membezakan antara hadith yang disepakati dan diperselisih palsu. Asas perbezaannya adalah *qarīnah* yang digunakan. Beliau juga mengeluarkan sebanyak enam *qarīnah* dalam menentukan kepalsuan sesebuah hadith. Justeru itu, untuk mendapatkan kefahaman yang lebih jelas mengenai isu ini, kajian mencadangkan penyelidikan lanjutan termasuk kajian perbandingan penggunaan *qarā'in* dalam mazhab-mazhab aliran hadith yang berbeza dan analisis impaknya terhadap wacana hadith masa kini.

**Kata Kunci:** *maudū'*; hadith palsu; *al-qarā'in*; al-Dhahabī; *al-Mūqizah*; teknikal hadith

**ABSTRACT**

A fabricated hadith or hadīth *maudū'* is one that is not authentically attributed to Prophet Muhammad SAW, whether due to error, ignorance, or deliberate intent. Fabricated hadiths

are categorized into two types: those unanimously agreed upon as false and those disputed in their falsity. Previous studies have consistently discussed the reality and methods of interacting with hadiths whose falsity is disputed. However, this study brings a different perspective by examining the root of the disagreement through the theme of *al-qarā'in* (circumstantial evidence). This study is significant as it provides a deeper understanding of the role of *al-qarā'in* in assessing the status of hadiths and helps the public comprehend the reality of hadith criticism. The research analyzes the work *al-Mūqizah* by al-Dhahabī, given his expertise in the technical study of hadith and narrators. The methodology used is a qualitative approach based on document analysis for data collection and content analysis for data interpretation. The findings show that al-Dhahabī distinguishes between hadiths unanimously agreed upon as false and those disputed as false. The basis for this distinction lies in the *qarīnah* used. He identifies six *qarīnah* in determining the falsity of a hadith. Therefore, to gain a clearer understanding of this issue, the study suggests further research, including comparative studies on the use of *qarā'in* in different hadith schools of thought and analyzing its impact on contemporary hadith discourse.

**Keywords:** *maudū'*; fabricated hadith; *al-qarā'in*; al-Dhahabī; *al-Mūqizah*.

## PENDAHULUAN

Dalam wacana hadith, ilmuwan hadith akan menggunakan pendekatan melihat kepada *dalīl* (bukti) dan *qarā'in* yang ada dalam mentarjihkan sesuatu hadith. *Qarā'in* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk menseleksi antara dua pilihan yang saling bercanggah. Konsep ini ada digunakan dalam ilmu hadith lebih-lebih lagi untuk menyelesaikan masalah *'illah* sesebuah hadith. Ini sebagaimana yang dinyatakan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī bahawa ilmuwan hadith tidak menghukumkan hadith secara bebas, sebaliknya mereka akan mentarjih dengan melihat kepada *qarā'in* yang ada pada sesuatu hadith.<sup>1</sup> Secara hakikatnya *qarā'in* yang digunakan ilmuwan hadith begitu banyak sehingga tidak terhitung jumlahnya, bahkan tidak ada suatu penanda aras yang mengikat antara *qarā'in* yang wujud. Ini dapat dilihat daripada kalam al-San‘ānī bahawa bentuk *qarā'in* yang digunakan sangat banyak bagi menyelesaikan masalah-masalah dalam hadith.<sup>2</sup> Walau demikian, beberapa *qarā'in* yang menjadi kegunaan kebanyakan ilmuwan hadith tetap dapat dihindarkan. Misalnya, ‘Ādil al-Zuraqī telah menghimpunkan serta membahagikan *qarā'in* kepada dua bahagian iaitu *qarā'in āmmah* dan *qarā'in khaṣṣah*, dan setiap daripada bahagian itu mempunyai jenis-jenisnya yang tersendiri.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Al-Nukat ‘alā Kitāb Ibn al-Ṣalāh*, ed. Rabī' bin Ḥādī al-Madkhalī (Madinah: ‘Umādah al-Baḥth al-‘Ilmī bi al-Jāmi‘ah al-Islāmiyah al-Madīnah al-Munawwarah, 1984), 2:687; Sayyid ‘Abd al-Mājid al-Ghawrī, *‘Ilm ‘Ilal al-Ḥadīth Ta’rīfuhu wa Ahmīyyatuhu wa Aimmatuhu wa Kutubuhu*. (Selangor: Ma’had wa Dirāsāt al-Ḥadīth al-Sharīf bi Silanjūr, 2019), 136.

<sup>2</sup> Muḥammad bin Ismā‘īl al-Ṣan‘ānī, *Tawdīh al-Afkar li Ma‘ānī Tanqīh al-Anzār*, ed. Abū ‘Abd al-Rahmān Ṣalāh bin Muḥammad bin ‘Uwaydah (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 2:28.

<sup>3</sup> ‘Ādil bin ‘Abd al-Shakūr, *Qawā'id al-‘Ilal wa Qarā'in al-Tarjīh* (Mesir: al-Rawḍah li al-Nashr wa al-Tawzī', 2017), 66-133.

Begitu juga *qarā'in* digunakan dalam menentukan kepalsuan sesebuah hadith. Kajian berkenaan hadith palsu atau *maudū'* sentiasa mendapat perhatian daripada para pengkaji hadith. Hal ini mungkin berikutan hadith palsu merupakan satu bentuk penipuan terhadap Nabi SAW dan perkara ini perlu dibendung dengan baik.<sup>4</sup> Begitu juga supaya punca-punca penyebaran hadith palsu dapat diketahui dan langkah penyelesaiannya dapat dikenalpasti<sup>5</sup>. Dalam masa yang sama, kajian-kajian mengenai penentuan status palsu sesebuah hadith juga perlu dipergiatkan kerana ia juga menjadi antara punca perselisihan pandangan bahkan pergaduhan kalangan masyarakat.

Namun begitu, apabila carian dilakukan pada pengkalan data *Google Scholar* daripada tahun 2015 sehingga 2023, kesemua kajian lepas dilihat menyentuh dari perspektif isu dan metodologi berinteraksi dengan hadith palsu. Kajian-kajian terdahulu telah memberikan perhatian kepada pelbagai aspek berkaitan hadith palsu, termasuk penyebarannya dalam masyarakat dan cabaran-cabaran yang wujud dalam era digital. Sebagai contoh, kajian oleh Abur Hamdi Usman dan Mohd Norzi Nasir membincangkan isu penyebaran hadith palsu dalam penerbitan di Malaysia serta kesannya terhadap Masyarakat.<sup>6</sup> Walau bagaimanapun, kajian ini terhad kepada analisis kesan sosial dan tidak memberikan fokus kepada kaedah ilmiah seperti penggunaan *qarā'in* sebagai instrumen dalam menentukan palsunya sesebuah hadith. Begitu juga, kajian oleh Nik Suhaili Nik Fauzi, Mesbahul Hoque, dan Kauthar Abd Kadir meneliti konsep penyebaran hadith palsu melalui teknologi maklumat dan komunikasi.<sup>7</sup>

Selain itu, kajian oleh Fajar Rachmadhani pula menumpukan kepada isu-isu kontemporari dalam pengurusan maklumat berkaitan hadith palsu dalam era digital.<sup>8</sup> Meskipun kajian ini relevan dalam konteks semasa, ia tidak membincangkan kaedah tradisional seperti *qarā'in*, yang mempunyai potensi untuk diaplikasikan secara komplementari. Seterusnya, Mohd Fauzi Mohd Amin dan rakan-rakan menjalankan kajian kritikal terhadap hadith-hadith yang dihukumkan palsu dalam kitab *al-Yawāqit wa al-Jawāhir*<sup>9</sup>. Pendekatan kajian ini lebih bersifat spesifik kepada karya tertentu dan tidak memperluaskan skop kepada pembangunan teori umum seperti *qarā'in* yang boleh digunakan untuk menilai hadith secara lebih menyeluruh. Dalam kajian yang lain, Abdullah Mas'ud membahaskan konsep hadith palsu dalam konteks sejarah berdasarkan

<sup>4</sup> Mohd Shukri Mohd Senin, "Hadith Palsu di Malaysia: Tinjauan Perkembangan dan Keberadaannya", dlm. *Kitab-Kitab Jawi Silam dan Buku-Buku Agama Terpilih* (2020), 2.

<sup>5</sup> Abur Hamdi Usman dan Mohd Norzi Nasir, "Penyebaran Hadis Palsu dalam Penerbitan di Malaysia dan Kesannya kepada Masyarakat", *Jurnal INHAD* 12, no.23 (2022), 36.

<sup>6</sup> Abur Hamdi Usman dan Mohd Norzi Nasir, *Penyebaran Hadis Palsu Dalam Penerbitan Di Malaysia Dan Kesannya Kepada Masyarakat*.

<sup>7</sup> Nik Suhaili Nik Fauzi et. al., "Spreading Hadith Maudhu' Via Information And Communication Technology: Reasons And Suggestions", *Journal of Hadith Studies* 7, no.1 (2022).

<sup>8</sup> Fajar Rachmadhani, "The Concept of Hadith Maudhū' and Its Contextualization in Information Management in the Digital Era", *Jurnal Studi Alquran dan Hadis* 3, no.2 (2019).

<sup>9</sup> Mohd Fauzi Mohd Amin et al., "Penilaian Hadith Maudhu'", dlm. *Kitab al-Yawāqit wa al-Jawāhir fi 'Uqubah Ahli al-Kabair*, ed. Muhammad Ali Bin Abdul Rasyid Bin Abdullah alJawi al-Qadhi al-Sambawi, *Jurnal Sains Insani* 3, no.3 (2018).

rujukan kitab-kitab *Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Namun, kajian ini juga tidak memberikan perhatian kepada aplikasi *qarā'in* sebagai satu pendekatan ilmiah yang boleh membantu dalam penilaian hadith palsu.<sup>10</sup>

Justeru, kajian ini membawa perbincangan hadith palsu daripada perspektif berbeza iaitu konsep *qarā'in* dalam menentukan kepalsuan sesebuah hadith. Hal ini dibahaskan oleh ilmuan hadith ulung, al-Dhahabī dalam karya beliau *al-Mūqizah* namun sehingga kini tidak dijumpai melalui carian di pengkalan data *Google Scholar* mana-mana kajian membincangkannya. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengisi kelompongan kajian-kajian sebelum dan membuka cabang perbincangan hadith yang baru.

### Pengenalan Karya *al-Mūqizah*

*Al-Mūqizah*, pada asalnya merupakan sebuah ringkasan yang disusun berdasarkan karya daripada guru al-Dhahabī sendiri iaitu Ibn Daqīq al-‘Eid yang berjudul *al-Iqtirāḥ fī Bayān al-Iṣṭilāḥ*. Ia merupakan sebuah karya yang kaya dengan maklumat dalam ilmu hadith serta mempunyai beberapa keistimewaan antaranya saiz yang kecil berbanding karya-karya sebelum yang lebih tebal. Menurut Abdullah al-Sa‘ad, pelbagai karya telah diterbitkan sepanjang zaman dalam lapangan hadith. Namun karya *al-Iqtirāḥ* dan *al-Mūqizah* ini mempunyai beberapa keistimewaan yang tidak dijumpai pada penulisan-penulisan lain. Antaranya Ibn Daqīq al-‘Eid memasukkan perbincangan yang jarang dibincangkan secara rasmi oleh para ilmuwan lain iaitu antaranya berkaitan khilaf yang terjadi antara ahli fiqh dan hadith. Dalam masa yang sama, beliau membahagikan hadith sahih kepada beberapa tingkatan. Seterusnya beliau juga menggabungkan antara teori dan praktikal dalam perbincangannya.<sup>11</sup>

Dalam proses penyusunan *al-Mūqizah* ini, al-Dhahabī melakukan sejumlah penambahbaikan atau perbaikan tertentu pada teks asli *al-Iqtirāḥ fī Bayān al-Iṣṭilāḥ*. Antara penambahbaikannya beliau membincangkan secara lebih terperinci pada perbincangan bab *al-Jahālah*. Selain itu beliau juga membawa tambahan faedah daripada ilmuwan hadith silam mengenai bab *munkar*, *syādh*, *gharābah* dan *tafarrud*. Beliau juga menambah perbincangan istilah *al-maṭrūḥ* yang tidak dibincangkan ilmuwan lain.<sup>12</sup>

Karya ini terdiri daripada 35 bab perbincangan bermula dengan bab *ṣaḥīḥ* dan diakhiri dengan bab *al-mu'talif wa al-mukhtalif*. Terdapat beberapa tokoh ilmuwan Islam yang telah melakukan semakan (*al-tahqīq*) terhadap karya ini dan antara yang termasyhur adalah *al-tahqīq* daripada ‘Abdul Fattāḥ Abū Ghuddah.<sup>13</sup> Ia telah diterbitkan oleh beberapa syarikat penerbitan antaranya *Dār al-Salām*, *Maktabah al-Nūr* dan sebagainya.

<sup>10</sup> Abdullah Mas‘ud, “Sejarah Hadits Mawdu’”, dlm. *Mustalahul Hadits, Jurnal Keislaman* 1, no.1 (2018).

<sup>11</sup> ‘Abdullah ‘Abdul Rahman al-Sa‘ad. *Al-Mufaṣṣal fī Syarḥ al-Mūqizah* (Riyādh: Dār al-Tauhīd li al-Nasyr, 2017), 31.

<sup>12</sup> Al-Sharīf Hātim al-‘Awnī. *Syarḥ Mūqizah al-Zahabī* (Kaherah: Dār Ibn al-Jawzī, 2006), 7.

<sup>13</sup> Al-Dhahabi. *al-Mūqizah fī ‘Ilm Muṣṭalah al-Ḥadīth*, ed. Abū Fattāḥ Abū Ghuddah (Beirut: Maktabah al-Maṭbū‘āt al-Islāmiyyah bi Halab, 1992).

## SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini merupakan sebuah kajian yang berasaskan pendekatan kualitatif. Hal ini disebabkan, kualitatif ialah pendekatan yang paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam<sup>14</sup> seperti mengkaji berkenaan konsep *qarā'in* dalam hadith palsu.

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder dalam mengenal pasti konsep *qarā'in* dan praktikalitinya dalam penentuan kepalsuan hadith. Selain itu, kajian ini akan mengumpulkan konsep *qarā'in* dalam hadith palsu yang diperkenalkan oleh al-Dhahabī dalam karyanya *al-Muqīzah*. Sumber-sumber yang digunakan ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, koleksi peribadi, buku berbentuk PDF dan *digital library* seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*.

Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengenal pasti definisi sebenar *qarā'in* oleh para ilmuwan klasik dan kontemporari. Selain itu, konsep sebenar hadith palsu juga akan dijelaskan berdasarkan pendapat-pendapat ilmuwan yang muktabar. Seterusnya, melihat kepada kesinambungan konsep *qarā'in* terhadap hadith palsu melalui analisis yang dilakukan terhadap karya al-Dhahabī iaitu *al-Mūqīzah fī 'Ilm al-Muṣṭalah al-Ḥadīth*.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Konsep *Qarā'in* dalam Penentuan Status Hadith Palsu

#### Definisi *Qarā'in*

*Qarā'in* terdiri daripada perkataan dalam Bahasa Arab. Ia merupakan bentuk jamak, sementara bentuk tunggalnya adalah *qarīnah*.<sup>15</sup> Perkataan ini berasal dari kata kerja *qarana* yang bermaksud menggabungkan atau menyatukan sesuatu dengan sesuatu yang lain dengan kuat atau keras.<sup>16</sup> Selain itu, *qarana* juga bermaksud kebersamaan antara dua perkara.<sup>17</sup>

<sup>14</sup> Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad dan R Zirwatul Aida R Ibrahim, *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018), 76.

<sup>15</sup> "Qarā'in." Al-Ma'āny, 2010, diakses pada 22 November 2023, <https://www.almaany.com/ar/dict/arar/%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D9%86/>

<sup>16</sup> Ibn Fāris, Aḥmad bin Fāris. *Mu'jam Maqāyis Al-Lughah*, ed. Abdul Salam Harun (Kaherah: Dār al-Fikr, 1979), 5

<sup>17</sup> Ismā'il bin Aḥmad. *Al-Sihāh Tāj Al-Lughah Wa Sihāh Al-'Arabiyah*, ed. Ahmad Abd al-Ghafur (Beirut: Dār al-'Ilm, 1987).

Daripada segi istilah, Sāmīr al-Kabīsī berpendapat bahawa tiada definisi yang jelas diberikan oleh ahli hadith terdahulu. Mereka cenderung menggunakan istilah ini seperti deria keenam yang ada pada seseorang.<sup>18</sup> Muṣṭafa al-Zarqā’ mendefinisikan *qarīnah* sebagai Sesuatu petunjuk yang menjelaskan sesuatu yang tersembunyi sehingga menunjukkan objektif kajian.<sup>19</sup> Aḥmad Ma’bad pula menggambarkannya sebagai sesuatu perkara yang membawa kepada objektif kajian secara tidak langsung.<sup>20</sup> Tambahan lagi, Ayyub al-Husainī mendefinisikan *qarīnah* sesuatu yang membantu menjelaskan objektif kajian tanpa disengajakan.<sup>21</sup> Berdasarkan pandangan-pandangan ini, dapat disimpulkan bahawa *qarīnah* dalam konteks istilah merujuk kepada petunjuk yang ditemui secara tidak langsung dan membantu menjelaskan objektif kajian. Rujuk jadual di bawah:

**Jadual 1:** Definisi-definisi *Qarā’in*

Bil.	Tokoh	Definisi
1.	Muṣṭafa al-Zarqā’	Sesuatu petunjuk yang menjelaskan sesuatu yang tersembunyi sehingga menunjukkan objektif kajian.
2.	Aḥmad Ma’bad	Sesuatu yang menunjukkan kepada objektif kajian secara tidak langsung
3.	Ayyub al-Husainī	Sesuatu yang membantu menjelaskan objektif kajian tanpa disengajakan
<b>Kesimpulan</b>	<b>Sesuatu petunjuk yang dijumpai secara tidak langsung dan menjelaskan objektif kajian</b>	

(Sumber: Analisis Pengkaji)

Penggunaan *qarīnah* mempunyai asas rujukannya daripada syariat. Hal ini boleh dilihat dalam al-Quran:

<sup>18</sup> Sāmīr al-Kabīsī. “Āthar Al-Qarā’in Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā’ Al-Mubāsyr Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran”, *Majallah al-Muhaddith al-‘Irāqiyah* 3, no. 1 (2021), 106.

<sup>19</sup> Hanān Qamāri. “Ta’arūḍ Qarā’in Al-Tarjih Wa Dawābit Daf’ihā ‘Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-‘Ilal” (Disertasi Master, Echahid Hama Lakhdar University, 2016), 42.

<sup>20</sup> Masyaqbah, Abdul Rahman Muhammad. “Āthar Al-Qarā’in Fī Ikhtilāf Al-Nuqqād Fī Tarjih Bayna Al-Riwāyāt Wa I’lālihā”, *Majallah Nisf Sanawiyah Muhkamah* 18, no. 2 (2021), 253.

<sup>21</sup> Ayyub al-Husainī. *Al-Kulliyāt Mu’jam Fī Al-Mustalahāt Wa Al-Furūq Al-Lughawiyah*. ed. ‘Adnān Darwisy (Beirut: Muasasah al-Risālah, 2009).

وَجَاءُوا عَلَيَّ قَمِيصَهُ بِدَمٍ كَذِبٍ ۗ قَالَ، بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنْفُسُكُمْ أَمْرًا ۗ فَصَبْرٌ جَمِيلٌ ۗ وَاللَّهُ  
الْمُسْتَعَانُ عَلَيَّ مَا تَصِفُونَ

Maksudnya: Dan (bagi mengesahkan dakwaan itu) mereka pula melumurkan baju Yūsuf dengan darah palsu. Bapa mereka berkata: “Tidak! Bahkan nafsu kamu memperelokkan kepada kamu suatu perkara (yang tidak diterima akal). Kalau demikian, bersabarlah aku dengan sebaik-baiknya, dan Allah jualah yang dipohonkan pertolonganNya, mengenai apa yang kamu katakan itu.

(Surah Yūsuf 12:18)

Al-Qurtubī menceritakan bahawa apabila adik-beradik Nabi Yūsuf AS ingin menggunakan darah sebagai *qarīnah* untuk menyokong dakwaan mereka, Allah SWT menzahirkan *qarīnah* balas bahawa tiada kesan gigitan serigala pada baju Nabi Yūsuf AS. Ketika Nabi Ya‘qūb AS melihat situasi ini, Baginda tidak mempercayai dakwaan adik-beradik Nabi Yūsuf AS.<sup>22</sup> Ini menunjukkan bahawa penggunaan *qarīnah* telah disyariatkan dalam Islam sejak zaman dahulu.

‘Abdullah Muḥammad Ḥasan menyatakan bahawa para ilmuwan Islam bersetuju mengenai peranan *qarīnah* dalam ilmu fiqh, bahasa, usul fiqh, ilmu kalam, dan hadith secara umum, walaupun terdapat perbezaan dalam aplikasi dan pembahagiannya.<sup>23</sup> Namun, kajian ini hanya akan memfokuskan kepada ilmu hadith semata-mata. ‘Abd Qādir Muḥammad merumuskan definisi *qarīnah* dalam ilmu hadith sebagai tanda yang menunjukkan kewujudan atau ketiadaan *illah* pada sesebuah hadith yang berkaitan dengan perawi dan Riwayat.<sup>24</sup>

Menurut Hātim al-Awnī, terdapat perbezaan yang jelas antara *qarīnah* dan *dalīl*. Dalīl adalah bukti konkrit yang mencukupi untuk mensabitkan sesuatu dengan hanya satu *dalīl*, manakala *qarīnah* memerlukan lebih daripada satu petunjuk untuk mensabitkan sesuatu perkara.<sup>25</sup> Hal ini boleh diibaratkan seperti kes pembunuhan. Dalīl diumpamakan sebagai pengakuan suspek, manakala *qarīnah* seperti motif pembunuhan. Pengakuan suspek sudah mencukupi untuk mensabitkan kesalahan membunuh, sedangkan motif pembunuhan sahaja tidak mencukupi tanpa disokong oleh *qarīnah* lain. Rujuk jadual di bawah:

<sup>22</sup> Al-Qurtubī, *Al-Jāmi’ Li Ahkām Al-Qur’ān*, ed. ‘Abdullah bin ‘Abd Muḥsin (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006).

<sup>23</sup> Abdullah Muhammad Hasan, *Al-Qarāin Wa Atharuhā Fi ‘Ilmi Al-Hadīth* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyah, 2012).

<sup>24</sup> Sāmīr al-Kabīsī. “Athar Al-Qarāin Fi Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā’ Al-Mubāsyr Wa Al-Taḥdīth Bihi Mirāran”, *Majallah al-Muhaddith al-‘Irāqiyah* 3, no. 1 (2021), 106.

<sup>25</sup> Sharīf Hātim al-Awnī, *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Hadīth* (Beirut: Markaz Namā’ li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018), 212.

**Jadual 2:** Perbezaan *Qarīnah* dan *Dalīl*

<b>Perbezaan <i>Qarīnah</i> dan <i>Dalīl</i></b>	
<b><i>Qarīnah</i></b>	<b><i>Dalīl</i></b>
Definisi: Tanda yang menunjukkan wujud atau tidak <i>'illah</i> pada sesebuah hadith berhubungkait perawi dan riwayat	Definisi: Bukti yang menunjukkan wujud atau tidak <i>'illah</i> pada sesebuah hadith berhubungkait perawi dan riwayat
Contoh: Periwiyatan secara bersendirian merupakan <b>petunjuk</b> kewujudan <i>'illah</i> sesebuah hadith	Contoh: Pengakuan perawi bahawa dia tersilap merupakan <b>bukti</b> <i>'illah</i> sesebuah hadith

(Sumber: Hātim al-Awnī [2018])

Naurah Didān berpandangan *qarīnah* dalam hadith terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu *qarā'in al-tarjīh* dan *qarā'in al-ta'līl*. *Qarā'in al-tarjīh* merupakan petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk menentukan salah satu riwayat yang bercanggah dengan riwayat yang lain. Di samping itu, *qarā'in al-ta'līl* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk memilih salah satu riwayat bermasalah daripada keduanya<sup>26</sup>. Meskipun begitu, Hanān Qamari menambah dua pecahan lain iaitu *qarā'in al-jam'* yang digunakan untuk menggabungkan kedua-dua riwayat dan *qarā'in daf' al-'illah* memberi pengertian petunjuk untuk mengangkat *'illah* yang terdapat pada kedua-dua riwayat<sup>27</sup>. Rujuk jadual di bawah:

**Jadual 3:** Pembahagian *Qarā'in*

<b>Bil.</b>	<b>Pembahagian</b>	<b>Definisi</b>
1.	<i>Qarā'in al-Tarjīh</i>	Petunjuk yang digunakan untuk memilih salah satu riwayat yang bercanggahan
2.	<i>Qarā'in al-Ta'līl</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menentukan salah satu riwayat yang bermasalah

<sup>26</sup> Naurah Didān. "Qarā'in al-Tarjīh Allatī Wāzana Bihā al-Hāfidh al-Mizzī 'Inda al-Ikhtilāf Bi Ziyādah al-Rāwi Au Isqātihi min al-Isnād min Khilālī Kitābihi Tahzīb al-Kamāl: Dirāsah Nazariyyah" (Disertasi PhD, Universiti Qāsim), 832.

<sup>27</sup> Hanān Qamāri. "Ta'arud Qarā'in al-Tarjīh Wa Dawābit Daf'ihā 'inda al-Imām Ibn Abī Hātim min Khilālī Kitābihi al-'Ilal", 45.



3.	<i>Qarā'in al-Jam'</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menerima kedua-dua riwayat
4.	<i>Qarā'in Daf' al-'Illah</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menghilangkan 'illah yang terdapat pada riwayat

(Sumber: Hanān Qamāri [2016])

'Ādil al-Zuraqī berpandangan *qarā'in* daripada sudut kuantiti terlalu banyak dan tidak dapat ditentukan limitasinya. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dibahagikan kepada dua kelompok iaitu *qarā'in* yang selalu digunakan oleh ilmuwan hadith dan dinamakan *qarā'in 'ammah*, manakala *qarā'in* yang kurang digunakan disebut sebagai *qarā'in khāṣṣah*.<sup>28</sup>

### Peranan *Qarā'in*

*Qarā'in* daripada sudut peranan atau penggunaannya terbahagi kepada dua bahagian. Pertama *qarā'in isnādiyyah* iaitu petunjuk-petunjuk yang digunakan pada perbincangan sanad sama ada berkenaan sifat riwayat atau perbincangan keterputusan dan kebersambungan sanad. Bahagian kedua pula dinamakan *qarā'in matniyyah* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan pada perbincangan matan atau teks hadith.<sup>29</sup>

Antara perbincangan *qarā'in* dalam skop sanad adalah menyentuh berkaitan ilmu *al-jarh wa al-ta'dīl*. Al-Haitham Muhammad (2021) mendefinisikannya sebagai petunjuk-petunjuk berhubung perawi, tokoh *al-jarh wa al-ta'dīl* atau konteks ulasan terhadap perawi yang boleh digunakan untuk menguatkan salah satu pandangan sama ada kritikan atau pujian.<sup>30</sup>

Selain itu, *qarā'in* juga digunakan bagi menyelesaikan isu *tadlīs* bagi perawi. *Tadlīs* bermaksud helah yang digunakan oleh perawi. *Tadlīs* tidak sama seperti penipuan bahkan perawi tidak dihukum penipu sekiranya melakukan *tadlīs*.<sup>31</sup> Justeru itu, *qarā'in al-tarjīh* diaplikasi untuk menyelesaikan masalah sama ada *tadlīs* yang dilakukan oleh perawi tersebut menyebabkan hadithnya masih diterima atau ditolak.<sup>32</sup>

Begitu juga *qarā'in* digunakan dalam isu pensabitan *samā'*. Menurut Majdi 'Atiyyah (2004) isu ini berlaku apabila perawi diperselisihkan status *samā'* berbanding

<sup>28</sup> 'Ādil al-Zuraqī, 'Ādil Abd Syakur. *Qawā'id Al-Ilal Wa Qarā'in Al-Tarjīh Riyadh* (Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004).

<sup>29</sup> Hanān Qamāri, "Ta'arud Qarā'in Al-Tarjīh Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-'Ilal", 45.

<sup>30</sup> Al-Haitham Muhammad, "Qarā'in al-Tarjīh Bayna Aqwāl Al-Jarh Wa Al-Ta'dīl Al-Muta'aridah 'Inda Ibn Addī Fi Kitābihi Al-Kāmil" (Disertasi Master, Universiti Tayyibah, 2021), 6.

<sup>31</sup> Dzul Dzulraidi, *Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi* (Terengganu: Paddi Resources, 2023), 64.

<sup>32</sup> Sharīf Hātim al-Awnī, *Muqarrar al-Takhrij wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth*, 210.

perawi lain. Hal ini demikian apabila sebahagian tokoh hadith silam menetapkan berlaku *samā'* antara kedua-dua perawi manakala sebahagian tokoh yang lain menafikannya. Justeru pemilihan pandangan dijalankan melalui pendekatan *qarā'in al-tarjīh*.<sup>33</sup>

Contoh yang dapat dikeluarkan adalah situasi *samā'* perawi bernama Abān bin Uthmān bin 'Affān daripada ayahnya. Ahmad bin Hanbal menyatakan Abān tidak ada mengambil riwayat manakala Muslim bin Hajjāj meriwayatkan dalam sahih beliau hadith Abān daripada ayahnya<sup>34</sup>. Situasi lain, *samā'* Ibrāhīm bin Abd Rahman bin 'Auf daripada Umar. Al-Bayhaqī menyatakan *samā'* tersebut tidak berlaku sedangkan Ya'qūb bin Shaybah menetapkan sebaliknya.<sup>35</sup>

Begitu juga berfokuskan kepada kajian, *qarā'in* juga dilihat berperanan dalam menentukan status palsu sesebuah hadith. Hal ini dapat dilihat daripada perbincangan al-Dhabābī dalam karya *al-Mūqizah*. Namun persoalannya apakah bentuk *qarā'in* yang beliau gunakan dalam menentukan kepalsuan sesebuah hadith?

### Kesan *Qarā'in al-Tarjīh* dalam Penentuan Status Hadith Palsu

Para muhaddithīn menghukumkan sesebuah hadith sebagai palsu apabila terdapat perawi penipu dalam sanadnya. Ṭāriq 'Iwadullah (2008) menyatakan bahawa banyak keadaan para muhaddithīn menetapkan hadith sebagai palsu walaupun tidak terdapat perawi penipu dalam sanad tersebut. Hal ini berikutan para muhaddithīn melihat kepada *al-qarā'in* yang menunjukkan bahawa ia merupakan hadith palsu.<sup>36</sup> Hal ini dipersetujui oleh Abdullah Muhammad Hasan (2013) bahkan beliau menegaskan bahawa terdapat sahaja hadith-hadith yang dinilai palsu oleh para muhaddithīn dalam keadaan mereka tidak menjalankan kajian terperinci terhadap sanadnya. Situasi ini kerana terdapat *qarā'nah* yang menunjukkan hadith itu adalah palsu. Beliau sendiri membahagikan *al-qarā'in* dalam penentuan hadith palsu kepada dua bahagian.<sup>37</sup> Ini merujuk kepada nas daripada Ibn Ṣolāh yang menyebut:

وقد يُفهمُ الوَضْعُ من قرينة حال الراوي، أو المروي، فقد وُضِعَتْ أحاديث طويلة يشهد  
بوضعها ركافة ألفاظها ومعانيها

Maksudnya: Kadang-kadang pemalsuan (hadith) dapat difahami daripada *qarā'nah* (petunjuk) keadaan perawi atau riwayat yang disampaikan. Terdapat hadith-hadith panjang yang dicipta, dan

<sup>33</sup> Majdi 'Atiyyah, *Al-Ilmā' Fi Itbāth Al-Samā'* (Mesir: Maktabah Ibn 'Abbās, 2005), 4.

<sup>34</sup> Majdi 'Atiyyah, *Al-Ilmā' Fi Itbāth Al-Samā'*, 6.

<sup>35</sup> Majdi 'Atiyyah, *Al-Ilmā' Fi Itbāth Al-Samā'*, 7.

<sup>36</sup> Tariq Iwadullah, *Iṣlāh al-Iṣṭilāh*, (Riyadh: Maktabah al-Tau'iyah al-Islāmiyyah, 2008), 249.

<sup>37</sup> Abdullah Muhammad Hasan, *al-Qarā'in wa Atharuhā fī 'Ilm al-Hadīth*, 105.

*pemalsuannya dapat dikenal pasti melalui kelemahan lafaz dan maknanya.*<sup>38</sup>

Hal ini turut dipersetujui oleh Ibn Qayyim al-Jawzī. Beliau menyatakan dalam *al-Manār al-Munīf*:

ومنها ما يُفْتَرُّ بالحديث من القرائن التي يُعْلَمُ بها أنه باطلٌ

*Maksudnya: Dan antaranya adalah perkara yang disertai hadith dengan petunjuk-petunjuk yang menunjukkan bahawa hadith tersebut adalah palsu.*<sup>39</sup>

Contoh-contoh *al-qarā'in* dalam penentuan palsu hadith adalah seperti berikut:

**Jadual 4:** *Al-Qarā'in* dalam Penentuan Hadith Palsu

Bil.	Jenis <i>al-Qarā'in</i>	Bentuk-Bentuk <i>Qarīnah</i>
1.	<i>Al-Qarā'in</i> berkait perawi	<ol style="list-style-type: none"> <li>Adanya unsur konflik atau permusuhan antara perawi dengan pihak yang disebut dalam kandungan hadith, yang boleh mempengaruhi keaslian riwayat.</li> <li>Adanya unsur ketaksuban perawi terhadap individu, idea, atau kelompok tertentu yang berkait dengan kandungan hadith, sehingga berisiko mempengaruhi keaslian riwayat.</li> </ol>
2.	<i>Al-Qarā'in</i> berkait apa yang diriwayatkan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Hadith mempunyai lafaz yang tidak sesuai disandarkan kepada Nabi SAW.</li> <li>Konteks hadith bercanggah dengan akal sehingga tidak dapat dihimpunkan.</li> <li>Konteks hadith menafikan dalil al-Quran yang qat'ī.</li> <li>Konteks hadith menafikan dalil sunnah yang mutawatir.</li> <li>Konteks hadith bercanggah dengan fakta.</li> <li>Konteks hadith membincangkan perkara yang besar namun tidak diriwayatkan oleh ramai sahabat.</li> <li>Konteks hadith menjanjikan ganjaran yang besar dengan perbuatan yang kecil.</li> </ol>

(Sumber: Abdullah Muhammad Hasan [2013])

Kesimpulannya, para muhaddithīn tidak semata-mata menilai hadith berdasarkan perawi penipu dalam sanadnya untuk menentukannya sebagai palsu, tetapi mereka turut

<sup>38</sup> Ibn Ṣolāh, *‘Ulūm al-Hadīth* (Dimasyq: Dār al-Fikr, 1986), 199.

<sup>39</sup> Ibn Qayyim al-Jawzī, *Al-Manār al-Munīf fī al-Sahīh wa al-Dha'īf* (Mekah: Dār ‘Ālim al-Fawā'id, 2007), 92.

menggunakan *al-qarā'in*, iaitu petunjuk-petunjuk yang berkait dengan perawi atau kandungan hadith itu sendiri. Dengan ini, *al-qarā'in* merupakan instrumen penting yang digunakan oleh para muhaddithīn dalam menentukan status hadith.

Kajian mendapati *al-qarā'in* berperanan dalam menentukan status palsu atau tidak sesebuah hadith. Justeru kajian selepas ini akan menganalisis bentuk *qarā'in* dalam *al-Mūqizah* oleh al-Dhahabī.

### Konsep *Qarā'in* dalam penentuan palsu hadith menurut al-Dhahabī

Kajian melakukan penelitian terhadap perbincangan *al-qarā'in* dalam *al-Mūqizah* oleh al-Dhahabī. Rujukan asas bagi *al-Mūqizah* berdasarkan beberapa sumber cetakan iaitu cetakan *Dār Ibn al-Jawzī* dengan tahkik daripada Yahyā Alī Mir'a. Selain itu, cetakan *Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah* dengan tahkik daripada Abū Fattāḥ Abū Ghuddah. Hal ini berikutan supaya rujukan silang dapat dijalankan antara kedua-dua cetakan. Cetakan yang dijadikan asas utama dalam perbincangan adalah cetakan *Maktab al-Maṭbū'āt al-Islāmiyyah* dengan tahkik daripada Abū Fattāḥ Abū Ghuddah. Hal ini berikutan ia terdapat dalam laman *al-Maktabah al-Shāmilah* maka lebih mudah untuk dirujuk kembali. Begitu juga kajian melakukan ulang rujuk kepada syarah daripada 'Abdullah al-Sa'd menggunakan cetakan *Dār al-Tauhīd* dan syarah 'Amrū 'Abdul Mun'im cetakan *Dār 'Ibād al-Rahman* agar setiap perbincangan al-Dhahabī difahami dengan tepat.

Kajian mendapati al-Dhahabī membincangkan mengenai isu hadith palsu pada satu bab sahaja secara khusus. Al-Dhahabī mendefinisikan hadith palsu dengan merujuk kepada tanda-tanda kepalsuan pada hadith tersebut, bukan pada hakikat sebenar hadith itu sendiri. Beliau menyatakan:

ما كان متنه مخالفاً للقواعد، وراويه كذاباً، ك: "الأربعين الوضائية"، وك: نسخة علي  
الرضا المكنوبة عليه

*Maksudnya: Hadith maudū' ialah hadith yang matannya bercanggah dengan kaedah-kaedah (asas agama), dan para perawinya merupakan pendusta seperti [hadith-hadith dalam kitab] Al-Arbaū'n al-Waḍḍāniyyah dan nuskah Ali al-Ridhā yang dipalsukan.*

Hal ini berbeza dengan definisi yang dinyatakan oleh tokoh hadith lain seperti Ibn Ṣolāh, al-'Irāqī, dan al-Suyūṭī. Mereka mendefinisikannya sebagai hadith yang direka, dibuat-buat dan disandarkan kepada Nabi SAW sedangkan ia tidak benar.<sup>40</sup> Kajian berpandangan alasan al-Dhahabī mendefinisikan sedemikian berikutan pada perbincangan seterusnya beliau membahagikan hadith palsu kepada tiga peringkat bergantung hadith itu sepakat palsu atau berlaku perbezaan pandangan sama ada palsu atau tidak. Justeru

<sup>40</sup> Maryam Aḥmad, "Naqd al-Imām al-Dhahabī li al-Matn fi Kitābihi Siyar A'lām al-Nubalā: Jam'u wa Dirāsah" (Disertasi PhD, Universiti King Saud, 2010), 219.

sekiranya beliau terus menyimpulkan hadith palsu adalah hadith yang direka, ia bakal menimbulkan kekeliruan dengan pembahagian yang beliau nyatakan setelah itu.

Al-Dhahabī pada umumnya membahagikan hadith palsu kepada tiga peringkat. Asas pengkategorian ini adalah bergantung sama ada berlaku kesepakatan atau tidak dalam penentuan palsu sesebuah hadith. Beliau menetapkan alasan bagi hadith yang sepakat palsu adalah pengakuan perawi dan ujian yang telah dijalankan ke atas hadith. Jelas difahami bahawa al-Dhahabī mengisyaratkan sesebuah hadith dihukum palsu secara sepakat apabila terdapat bukti ia dipalsukan. Antara bukti yang paling jelas adalah pengakuan perawi bahawa dia telah memalsukan hadith tersebut. Al-Dhahabī juga mengkritik pandangan Ibn Daqīq al-‘Eīd yang menyatakan bahawa pengakuan pemalsu hadith bukanlah suatu bukti berikutan ada kemungkinan perawi itu menipu. Al-Dhahabī menyatakan hal tersebut adalah sangkaan yang terlalu jauh dan sukar untuk diterima. Beliau juga menyatakan contoh bukti lain iaitu hasil analisis dan ujian terhadap hadith mendapati ia direka dan tidak sah disandarkan kepada Nabi SAW.

Manakala peringkat kedua dan ketiga adalah hadith-hadith yang para ulama berselisih pandangan sama ada palsu atau tidak. Beliau tidak menyatakan alasan perselisihan itu berlaku namun difahami beliau mengisyaratkan kepada perbezaan pandangan dalam menentukan *al-qarā'in* bagi hadith. Hal ini dapat dilihat daripada perkataan beliau:

وَلَهُمْ فِي نَقْدِ ذَلِكَ طُرُقٌ مُتَعَدِّدَةٌ، وَإِدْرَاكٌ قَوِيٌّ تَضِيْقُ عَنْهُ عِبَارَاتُهُمْ، مِنْ جِنْسِ مَا يُؤْتَرُهُ الصِّيَارِفَةُ فِي الْجُهْدِ فِي نَقْدِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ، أَوْ الْجَوْهَرِيِّ فِي نَقْدِ الْجَوَاهِرِ وَالْفُصُوصِ لِتَقْوِيمِهَا. فَلِكثْرَةُ مُمَارَسَتِهِمْ لِلأَلْفَاظِ النَّبَوِيَّةِ، إِذَا جَاءَهُمْ لَفْظٌ رَكِيكٌ - أَعْنِي مُخَالِفًا لِلْقَوَاعِدِ - أَوْ فِيهِ الْمُجَانَفَةُ فِي التَّرْغِيبِ وَالتَّرْهِيْبِ، أَوْ الْفَضَائِلِ، وَكَانَ بِإِسْنَادٍ مُظْلِمٍ، أَوْ إِسْنَادٍ مُضْيِئٍ - كَالْقَمِيْشِ فِي أَثْنَائِهِ - رَجُلٌ كَذَّابٌ، أَوْ وَضَّاعٌ - يُحْكَمُونَ فِي هَذَا مُحْتَقِنًا، مَا قَالَهُ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -، وَتَتَوَاطَأُ أَقْوَالُهُمْ فِيهِ عَلَى شَيْءٍ وَاحِدٍ.

*Maksudnya: Mereka mempunyai pelbagai cara dan kekuatan dalam mengkritik yang tidak dapat diungkapkan sepenuhnya melalui kata-kata, sama seperti apa yang dilakukan oleh para tukang emas dalam usaha menilai emas dan perak, atau oleh para ahli permata dalam menilai batu permata dan berlian untuk menentukan nilainya. Disebabkan kekerapan mereka berinteraksi dengan lafaz-lafaz Nabi, apabila mereka mendapati satu lafaz yang lemah—maksudnya yang bertentangan dengan kaedah—atau terdapat unsur berlebihan dalam galakan (targhīb) dan ancaman (tarhīb), atau dalam keutamaan (faḍā'il), dan ia disokong oleh sanad yang kabur, atau sanad yang jelas tetapi terdapat di tengah-tengahnya seorang pembohong atau perawi palsu, mereka akan menilai hal ini*

*dengan sangat teliti, berdasarkan apa yang dikatakan oleh Rasulullah SAW. Pendapat mereka akan selaras dalam mencapai satu kesimpulan yang sama (hadith tertolak).*

Rumusan pembahagian hadith palsu menurut al-Dhahabī dapat dilihat pada jadual di bawah:

**Jadual 5:** Peringkat Hadith Palsu

Bil.	Tingkatan Hadith Palsu	Alasan	Asas Sandaran
1.	Hadith disepakati palsu	Pengakuan perawi dan analisis yang dilakukan	Bukti
2.	Hadith kebanyakan ulama menghukum palsu.	Tidak dinyatakan	<i>Al-Qarā'in</i>
3.	Hadith kebanyakan ulama menghukum tidak palsu.	Tidak dinyatakan	

(Sumber: Analisis Pengkaji)

Al-Dhahabī menyatakan bahawa para ulama hadith mempunyai kaedah yang pelbagai dalam menentukan hadith sebagai palsu. Hal ini jelas bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh 'Ādil al-Zuraqī (2004) bahawa seringkali para ulama hadith menggunakan pendekatan *qarīnah* berbeza dalam menghukum sesebuah hadith. Kemudian beliau meletakkan beberapa contoh *qarīnah* yang digunakan oleh para ulama hadith dalam menghukumkan sesebuah hadith sebagai palsu. Kajian menyenaraikan semua *qarīnah* yang diletakkan oleh al-Dhahabī bukan sahaja dalam pernyataan di atas, namun termasuk di perbincangan lain dalam *al-Mūqizah*. Rujuk jadual di bawah:

**Jadual 6:** *Qarīnah* dalam Penentuan Hadith Palsu Menurut al-Dhahabī

Kod	Bentuk <i>Qarīnah</i>	Kategori	Ms
A1	Lafaz hadith <i>rakīk</i> (tidak layak disandarkan kepada Nabi SAW)	Riwayat	37

A2	Mempunyai unsur melampau pada <i>al-targhīb wa al-tarhīb</i> dan <i>al-fadhā'il</i> .		37
A3	Hadith bercanggah dengan asas agama		37
A4	Perawi yang diketahui pernah menipu	Perawi	36
A5	Sanad terlalu cemerlang namun mempunyai perawi yang sangat bermasalah ditengahnya		36
A6	Sanad yang dibarisi perawi-perawi sangat bermasalah		37

(Sumber: Analisis Pengkaji)

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat al-Dhahabī mengeluarkan sejumlah tujuh *qarīnah* dalam mengenalpasti sesebuah hadith sama ada palsu atau tidak. Begitu juga semestinya para muhaddithīn apabila ingin menentukan sesebuah hadith sebagai palsu, mereka tidak berpada dengan satu *qarīnah* bahkan menggunakan beberapa *qarīnah* berlainan.<sup>41</sup> Bagi A1, Abdullah Muhammad Hasan (2013) memberi contoh hadith seperti:

الباذنجان شفاء من كل داء

*Maksudnya: Terung adalah penawar bagi setiap penyakit.*

Menurut beliau, kandungan hadith-hadith ini bercanggah dengan maklumat hadith-hadith sahih dan tujuan utama yang diutuskan oleh Rasulullah SAW adalah untuk petunjuk yang sebenar, bukannya sesuatu yang mengundang ejekan atau sindiran.<sup>42</sup> Bagi A3, terdapat perbezaan antara hadith yang dilihat bercanggah dengan asas agama dan hadith yang telah dinilai bercanggah dengan asas agama. Sekiranya analisis telah dijalankan dan mendapati hadith itu benar-benar bercanggah dengan asas agama, justeru ia menjadi bukti dan bukannya *qarīnah*.

Oleh itu, dapat disimpulkan al-Dhahabī meletakkan enam *qarīnah* bagi menentukan kepalsuan sesebuah hadith. Sekiranya hadith tersebut mempunyai *qarīnah-qarīnah* ini berkemungkinan besar ia akan dihukum palsu. Justeru kajian telah menjawab persoalan utama iaitu apakah konsep *al-qarā'in* dalam penentuan status palsu sesebuah hadith menurut al-Dhahabī.

<sup>41</sup> Sharīf Hātim al-Awnī, *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth*, 212.

<sup>42</sup> 'Abdullah Muhammad Ḥasan, *al-Qarā'in wa Atharuhā fī 'Ilm al-Ḥadīth*, 107.

## KESIMPULAN

Kesimpulan kajian ini dapat dirumuskan bahawa *al-qarā'in* memainkan peranan penting dalam menentukan kepalsuan sesebuah hadith. Al-Dhahabī dalam karyanya *al-Mūqizah* telah menggariskan beberapa bentuk *qarā'in* yang digunakan dalam menilai hadith palsu. Beliau memperincikan *qarā'in* tersebut berdasarkan keadaan perawi dan kandungan matan hadith. Dapatan kajian ini menegaskan bahawa penentuan hadith palsu tidak hanya bergantung kepada sanad yang mengandungi perawi yang lemah atau penipu, tetapi juga kepada petunjuk-petunjuk lain seperti konteks hadith yang bertentangan dengan asas agama, atau wujudnya lafaz-lafaz yang tidak sesuai disandarkan kepada Rasulullah SAW.

Al-Dhahabī membahagikan *qarā'in* kepada beberapa kategori, termasuk *qarā'in* berkaitan perawi dan *qarā'in* berkaitan matan hadith. Kajian ini berjaya menunjukkan bahawa pendekatan menggunakan *al-qarā'in* membolehkan para muhaddithīn membuat penilaian yang lebih menyeluruh dalam menentukan status sesebuah hadith, terutama dalam kes hadith palsu yang diperselisihkan. Oleh itu, peranan *al-qarā'in* dalam kritik hadith adalah penting justeru kajian lanjut perlu dijalankan untuk memahami aplikasi *qarā'in* pada mazhab-mazhab aliran hadith yang berbeza, serta impaknya dalam wacana hadith masa kini.

## RUJUKAN

"Qarā'in." Al-Ma'āny, 2010, diakses pada 22 November 2023, <https://www.almaany.com/ar/dict/arar/%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D9%86/>.

‘Abdullah ‘Abdul Rahman al-Sa’ad. *Al-Mufaṣṣal fī Syarh al-Mūqizah*. Riyādh: Dār al-Tauhīd li al-Nasyr, 2017.

‘Abdullah Muhammad Ḥasan. *al-Qarā'in wa Atharuhā fī 'Ilm al-Hadīth*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, 2012.

‘Ādil al-Zuraqī. ‘Ādil Abd Syakur. *Qawā'id Al-Ilal Wa Qarā'in Al-Tarjīh*. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004.

Abdullah Mas'ud, Sejarah Hadits Mawdu' dalam Mustalahul Hadits, *Jurnal Keislaman* 1, no.1, 2018.

‘Abdullah Muhammad Hasan. *Al-Qarā'in wa Atharuhā fī 'Ilm al-Hadīth*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, 2012.



Abur Hamdi Usman dan Mohd Norzi Nasir. Penyebaran Hadis Palsu Dalam Penerbitan Di Malaysia Dan Kesannya Kepada Masyarakat, *International Refereed Academic Journal in Hadith Studies* 12, no.23, 2022.

Al-Dhahabī. *Al-Mūqīzah fī ‘Ilm Muṣṭalah al-Hadīth*, ed. Abū Fattah Abū Ghuddah. Beirut: Maktabah al-Maṭbū’āt al-Islāmiyyah bi Halab, 1992.

Al-Haitham Muhammad. “Qarā’in al-Tarjīh Bayna Aqwāl al-Jarh Wa al-Ta’dīl Al-Muta’aridah ‘Inda Ibn Addī Fi Kitābihi al-Kāmil”. Disertasi Master, Universiti Tayyibah, 2021.

Al-Qurtubī. *Al-Jāmi’ Li Ahkām Al-Qur’ān*. ed. ‘Abdullah bin ‘Abd Muḥsin. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006.

Ayyub al-Husainī. *Al-Kulliyāt Mu’jam Fi Al-Mustalahāt Wa Al-Furūq Al-Lughawiyah*. ed. ‘Adnān Darwisy. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2009.

Dzul Dzulraidi. Terjemahan *Syarah Muqīzah Az-Zahabi. Terengganu*: Paddi Resources, 2023.

Fajar Rachmadhani. “The Concept of Hadith Maudhū’ and Its Contextualization in Information Management in the Digital Era”. *Jurnal Studi Alquran dan Hadis* 3, no.2, 2019.

Hanān Qamāri. “Ta’arūḍ Qarā’in Al-Tarjih Wa Dawābit Daf’ihā ‘Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-‘Ilal”. Disertasi Master, Echahid Hama Lakhdar University, 2016.

Ibn Fāris, Aḥmad bin Fāris. *Mu’jam Maqāyis Al-Lughah*. ed. Abdul Salam Harun, Kaherah: Dār al-Fikr, 1979.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. *Al-Nukat ‘alā Kitāb Ibn al-Ṣalāḥ ed. Rabī’ bin Ḥādī al-Madkhalī*. Madinah: ‘Umādah al-Baḥṭh al-‘Ilmī bi al-Jāmi;ah al-Islāmiyyah al-Madīnah al-Munawwarah, 1984.

Ibn Qayyim al-Jawzi. *Al-Manār al-Munīf fī al-Sahīh wa al-Dha’īf*. Mekah: Dār ‘Ālim al-Fawā’id, 2007.

Ibn Ṣolāh, *‘Ulūm al-Hadīth*. Dimasyq: Dār al-Fikr, 1986.

Ismā’il bin Aḥmad. *Al-Sihāh Tāj Al-Lughah Wa Sihāh Al-‘Arabiyyah*. ed. Ahmad Abd al-Ghafur. Beirut: Dār al-‘Ilm, 1987.

Majdi ‘Atiyyah. *Al-Ilmā’ Fi Itbāth Al-Samā’*. Mesir: Maktabah Ibn ‘Abbās, 2005.

- Maryam Ahmad. "Naqd al-Imām al-Dhahabī li al-Matn fī Kitābihi Siyar A'lām al-Nubalā: Jam'u wa Dirāsah". Disertasi PhD, Universiti King Saud, 2010.
- Masyaqbah, Abdul Rahman Muhammad. "Āthar Al-Qarā'in Fī Ikhtilāf Al-Nuqqād Fī Tarjīh Bayna Al-Riwāyāt Wa I'lālihā". *Majallah Nisf Sanawiyah Muhkamah* 18/2, 2021.
- Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, and R Zirwatul Aida R Ibrahim. *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018.
- Mohd Fauzi Mohd Amin et al. "Penilaian Hadith Maudhu'" dlm *Kitab al-Yawaqit wa al-Jawahir fī 'Uqubah Ahli al-Kabair*, ed. Muhammad Ali Bin Abdul Rasyid Bin Abdullah al-Jawi al-Qadhi al-Sambawi, *Jurnal Sains Insani* 3, no.3, 2018.
- Mohd Shukri Mohd Senin. "Hadith Palsu di Malaysia: Tinjauan Perkembangan dan Keberadaannya". dlm. *Kitab-Kitab Jawi Silam dan Buku-Buku Agama Terpilih*, 2020.
- Muhammad bin Ismā'īl al-Ṣan'ānī, *Tawdīh al-Afkār li Ma'āni Tanqīh al-Anzār ed. Abū 'Abd al-Rahmān Ṣalāh bin Muḥammad bin 'Uwaydah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Naurah Didān. *Qarā'in al-Tarjīh Allatī Wāzana Bihā al-Ḥāfidh al-Mizzī 'Inda al-Ikhtilāf Bi Ziyādah al-Rāwi Au Isqātihi min al-Isnād min Khilāli Kitābihi Tahzīb al-Kamāl: Dirāsah Nazariyyah*." Disertasi PhD, Universiti Qāsim.
- Nik Suhaili Nik Fauzi et. al.. "Spreading Hadith Maudhu' Via Information And Communication Technology: Reasons And Suggestions", *Journal of Hadith Studies* 7, no.1, 2022.
- Sāmīr al-Kabīsī. "Āthar Al-Qarā'in Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā' Al-Mubāsyr Wa Al-Taḥdīth Bihi Mirāran", *Majallah al-Muhaddith al-'Irāqiyah* 3, no.1, 2021.
- Sayyid 'Abd al-Mājid al-Ghawrī, *Ilm 'Ilal al-Ḥadīth Ta'rīfuhu wa Ahammiyyatuhu wa Aimmatuhu wa Kutubuhu*. Selangor: Ma'had wa Dirāsāt al-Ḥadīth al-Sharīf bi Silanjūr, 2019.
- Sharīf Hātim al-'Awnī. *Syarh Mūqizah al-Zahabī*. Kaherah: Dār Ibn al-Jawzī, 2006.
- Sharīf Hātim al-Awnī. *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth*. Beirut: Markaz Namā' li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018.
- Ṭariq 'Iwadullah. *Iṣlāh al-Iṣṭilāh*. Riyadh: Maktabah al-Tau'iyah al-Islāmiyyah, 2008.